

SOALAN NO: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 26 OKTOBER 2016

SOALAN:

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan Kerajaan untuk memberi kemudahan pengangkutan untuk hadir ke mahkamah.

PR-1343-L76731

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Soalan YB Kuala Langat ini adalah berbangkit daripada perpindahan Mahkamah Perusahaan dari kawasan Dataran Merdeka ke Bangunan PERKESO, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Pihak majikan dan kesatuan sekerja membantah perpindahan ini disebabkan kekurangan pengangkutan awam di tempat baharu tersebut.

2. Perpindahan Mahkamah Perusahaan ke tempat baharu tersebut adalah lokasi yang paling sesuai pada masa sekarang, dengan mengambil kira pelbagai faktor termasuk kos sewaan bangunan dan cadangan pengambilan semula bangunan tersebut oleh Kerajaan Negeri Selangor.

3. KSM akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pengangkutan dan Mahkamah dalam masa terdekat untuk cuba mencari jalan penyelesaian yang terbaik dan berusaha menambah baik kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada Rakyat dalam memastikan Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Cadangan menyediakan kemudahan pengangkutan bagi tujuan menghadiri Mahkamah memerlukan satu kajian rasionalisasi yang menyeluruh. Realiti hari ini mengakui bahawa jumlah kes yang didengar dan kadar penangguhan kes di Mahkamah adalah tinggi. Justeru, penyediaan pengangkutan yang khusus untuk setiap kes di Mahkamah adalah agak menyukarkan.